

▼ Mahathir - UMNO (ulangan dengan pembedulan perenggan kedua)

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO malam ini memutuskan untuk melantik semula Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Rafidah Aziz masing-masing sebagai Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO.

Majlis Tertinggi juga melantik semula Datuk Napsiah Omar sebagai Naib Ketua Pergerakan Wanita manakala Pengerusi Biro Antarabangsa Pergerakan Pemuda Encik Nazri Tan Sri Yeop Aziz dilantik sebagai Naib Ketua Pergerakan Pemuda menggantikan Haji Hashim Safin.

Ketika mengumumkan perlantikan itu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi parti di ibu pejabat UMNO di sini, Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, perlantikan itu berkuatkuasa sehingga pemilihan parti tiga tahun akan datang.

Mengenai cadangan supaya jawatan Ketua dan Naib Ketua bagi kedua-dua pergerakan itu dibuat secara pemilihan, Perdana Menteri berkata, perkara itu terpulang kepada Majlis Tertinggi yang baru untuk membincangkannya selepas perhimpunan agung parti kali ini.

Mesyuarat malam ini tidak membincangkan perkara tersebut, tambahnya. --
lagi

♥30/11/00-02MST

U PB 29-11 00157 BA491

AAB

Mahathir - UMNO 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengesahkan bahawa seramai 1,519 perwakilan akan menghadiri Perhimpunan Agung UMNO, di sini bermula esok. Katanya, hanya UMNO Bahagian Pasir Mas akan menghantar pemerhati.

Mengenai keputusan pemilihan bagi jawatan Naib Presiden dan anggota Majlis Tertinggi parti, yang akan diadakan petang esok, beliau berkata, ia dijangka diketahui pada kira-kira pukul 3 pagi Sabtu.

Katanya, perbahasan akan diadakan pada hari Sabtu, bermula dengan perbahasan ucapan dasar Presiden, perbahasan usul Raja Berperlembagaan, diikuti dengan usul agama, pendidikan dan ekonomi.

Menteri-menteri akan menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan semasa perbahasan pada hari Ahad sebelum Presiden parti mengulung perbahasan, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional mengumumkan bahawa UMNO akan membuka sekretariat di Sabah bagi membantu calon Barisan Nasional pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri, kawasan Sulabayan pada 8 Dis ini dan Sipitang (7 dan 8 Dis). -- lagi

♥29/11/23-41MST

U PB 29-11 00164 BA492

AAB

Mahathir - UMNO 3 Kuala Lumpur

Katanya, sekretariat itu akan diketuai oleh Ketua Penerangan UMNO Senator Datuk Hussein Ahmad dan dianggotai oleh kira-kira 30 orang termasuk anggota Majlis Tertinggi parti.

Timbalan Presiden UMNO Encik Ghafar Baba akan berada di Sabah mulai 4 hingga 7 Dis ini untuk membantu kempen calon Barisan Nasional, tambah beliau.

+Kita nak menerangkan hasrat Barisan Nasional untuk mewakili rakyat Sabah sama seperti Barisan Nasional mewakili rakyat di Sarawak dan Semenanjung. Hasrat kita ialah untuk menolong rakyat Sabah dan membantu pembangunan Sabah,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Katanya, +Kalau kita menang, kita akan berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan segala janji kita+.

Mengenai perbahasan usul Raja Berperlembagaan, beliau berkata, UMNO tidak berniat untuk menukarkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan sekarang.

Beliau berkata: +Kita tidak akan melanggar apa-apa undang-undang tetapi undang-undang tidak menghalang kita membuat teguran berkenaan sebarang perbuatan yang tidak secocok dengan Perlembagaan atau undang-undang+. -- lagi

▼29/11/23-57MST

U PR 30-11 00153 BA494

AAB

Mahathir - UMNO 4 Kuala Lumpur

+Kalau ada apa-apa perbuatan atau kejadian yang melanggar undang-undang atau semangat Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen, maka UMNO berhak untuk buat teguran+.

+Bukan dengan niat untuk jatuhkan Raja atau menghapuskan sistem Beraja sebaliknya kerana ingin mengekalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen+.

Sementara itu, Encik Nazri yang ditemui kemudian berkata, beliau berterima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Seri Najib kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk menjadi Naib Ketua Pergerakan Pemuda.

Beliau berkata, perlantikannya itu membuktikan bahawa pucuk pimpinan parti tetap memberikan pengiktirafan kepada anggota-anggota parti yang telah berjuang dengan taat setia untuk parti.

Encik Nazri, 36, berkata beliau akan berusaha memikul tanggungjawab baru itu dengan sebaik-baiknya setelah 12 tahun menjadi anggota exco pergerakan itu.

Encik Nazri juga memberitahu pemberita bahawa beliau tetap akan bertanding merebut jawatan anggota Majlis Tertinggi UMNO esok. -- Bernama

▼30/11/00-04MST